



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**

**MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5. TAHUN 1997**

---

**GARIS PANDUAN MENGENAI CARA MENGURUSKAN  
KES-KES TATATERTIB YANG DIRUJUK OLEH  
BADAN PENCEGAH RASUAH**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan:-

1.1 Menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Ketua-ketua Jabatan/Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dalam menguruskan kes-kes tatatertib berasaskan Laporan Badan Pencegah Rasuah.

1.2 Menarik perhatian Ketua-ketua Jabatan supaya meneliti, menyemak dan mengambil tindakan yang sesuai berdasarkan peraturan-peraturan tatatertib yang berkaitan apabila menerima laporan daripada Badan Pencegah Rasuah berkenaan dengan kesalahan tatatertib yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai di bawah mereka.

## LATAR BELAKANG

2. Dari masa ke masa Badan Pencegah Rasuah akan menyiasat dan mengemukakan laporan tentang salahlaku pegawai-pegawai Kerajaan kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk diambil tindakan tatatertib berdasarkan kepada kuasa pentadbiran di bawah **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1967** dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1975](#).
3. Badan Pencegah Rasuah akan mengemukakan laporan terhadap pegawai-pegawai yang melakukan pelbagai kesalahan tatatertib kepada Ketua-ketua Jabatan untuk tindakan kerana pada kebiasaannya kes-kes tersebut tidak dibawa ke mahkamah atas sebab-sebab tertentu.
4. Walaupun kebanyakan kes-kes yang dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan, namun terdapat sebilangan Jabatan yang lambat mengendalikan kes-kes tersebut sehingga melebihi setahun atau tidak mengendalikan kes-kes tersebut dengan sempurna di bawah peraturan-peraturan tatatertib berkaitan.

## PERANAN KETUA JABATAN

5. Apabila menerima laporan dari Badan Pencegah Rasuah mengenai salahlaku pegawai-pegawai mereka, Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- 5.1 Mengenalpasti isu-isu dan mendapatkan bukti-bukti yang berkaitan.
  - 5.2 Menghubungi pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut tentang sesuatu perkara jika timbul keraguan atau ingin mendapatkan bukti-bukti tertentu.
  - 5.3 Menjalankan siasatan lanjut secara pentadbiran bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kesalahan yang dilaporkan, jika perlu. Sekiranya dalam penyiasatan tersebut, Ketua-ketua Jabatan mendapati pegawai telah melakukan kesalahan tatatertib yang lain selain daripada kesalahan yang dilaporkan oleh Badan Pencegah Rasuah maka tindakan tatatertib hendaklah juga diambil terhadap pegawai di atas kesalahan tersebut.
  - 5.4 Membawa kes yang dilaporkan itu beserta dengan ulasan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dalam tempoh dua minggu dari tarikh laporan tersebut diterima. Tempoh ini boleh dipanjangkan sekiranya langkah-langkah di perenggan 5.1 hingga 5.3 mengambil masa yang agak lama.
  - 5.5 Sebaik sahaja Pihak Berkuasa Tatatertib membuat keputusan mengenai kes berkenaan maka keputusan tersebut hendaklah secepat mungkin disampaikan kepada Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Ulasan Ketua-ketua Jabatan mengenai salah laku seperti yang disebutkan di perenggan 5.4 hendaklah diberikan secara objektif.
  7. Kes-kes Badan Pencegah Rasuah yang dikendalikan melebihi 6 bulan adalah dianggap lama. Ketua-ketua Jabatan perlulah memaklumkan kepada Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Perkhidmatan Awam kedudukan sementara dan sebab kenapa kes tersebut perlu mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

**PERANAN BADAN PENCEGAH RASUAH  
DAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

8. Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberikan nasihat dan panduan sewajarnya kepada Ketua-ketua Jabatan sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah.

**TARIKH KUATKUASA**

9. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.



**[DATO' HAJI KHALIL BIN HAJI HUSSAIN]**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II  
b/p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**s.k.:**

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan